

Berita Harian

Syarikat pengurus tangani projek Rumah Selangorku

SHAH ALAM: Projek Rumah Selangorku yang sebelum ini dibangunkan oleh pemaju Jitu Enigma Sdn Bhd, Pangsapuri Residensi Jaya di Cheras kini diserahkan kepada sebuah syarikat penerima dan pengurus (receiver).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha, berkata Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sudah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama syarikat pengurus itu untuk mendapatkan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi pembeli.

“Keutamaan kita sekarang adalah untuk kembalikan wang deposit pembeli. Bagaimanapun, proses ini akan mengambil masa.

“Kita perlu membuat penilaian terhadap aset syarikat berkenaan seperti tanah dan bangunan, seterusnya mencari pembeli yang menawarkan harga yang bersesuaian. Selepas itu, baru kita boleh kembalikan deposit kepada pembeli unit pangsapuri berkenaan,” katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Sebelum ini, sebuah portal berita melaporkan harapan lebih 221 pembeli rumah di Residensi Jaya, Taman Juara Jaya, Cheras musnah apabila pemajunya Jitu Enigma Sdn Bhd membuat deklarasasi muflis dan projek itu tidak dapat disiapkan.

Pembeli juga berisiko kehilangan deposit sebanyak 10 peratus atau kira-kira lebih RM25,000 yang diambil pemaju daripada setiap pembeli dan anggaran kerugian mereka mencecah lebih daripada RM4.5 juta.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membantu pembeli menandatangani perjanjian pembiayaan dengan institusi perbankan.

Katanya, perjanjian itu adalah untuk mengecualikan pembayaran ansuran pinjaman kepada pihak bank sementara masalah berkenaan diselesaikan.

“Difahamkan, syarikat pengurus akan mengadakan perjumpaan dengan pembeli pada 15 Februari depan dan kita harap agensi berkaitan seperti LPHS, KPKT dan bank selaku pembiaya pinjaman dapat turut serta,” katanya.

Haniza menjelaskan, kerajaan negeri menerusi LPHS sentiasa menjalankan saringan ketat kepada setiap pemaju yang ingin membina Rumah Selangorku dengan menyemak aset (kemampuan) mereka sebelum memberi kelulusan.

Katanya, ketika diberi kelulusan membangunkan projek berkenaan, Jitu Enigma mempunyai nilai aset yang baik.